



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 ( 62 )

Tarikh : 13 JANUARI 2015

**Ketua Pengarang,  
Harian Metro,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AWAM MENGENAI MASALAH PENGEDARAN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI FLAT LARKIN PERDANA MELALUI AKHBAR HARIAN METRO 13 JANUARI 2015 DALAM RUANGAN SMS M/S 25A.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada aduan yang dikemukakan oleh **DARAHNAIKSAY[IMA19711]** melalui akhbar Harian Metro bertarikh 13 Januari 2015.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **DARAHNAIKSAY** dalam permasalahan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut dan AADK kini telah merancang pendekatan yang lebih holistik dalam program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan mahupun penguatkuasaan. AADK turut melaksanakan program pencegahan berfokus bagi menangani masalah penagihan dadah di kawasan-kawasan berisiko tinggi. Dalam masa yang sama AADK dengan kerjasama agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa tempatan menjalankan operasi bersepadu bagi menangani masalah dan isu penagihan dadah dikawasan-kawasan yang dikenalpasti. Sehubungan dengan itu AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca Harian Metro, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada [pro@adk.gov.my](mailto:pro@adk.gov.my) atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

**(SUHAIMI BIN ABDULLAH)  
Ketua Pengarah,  
Agensi Antidadah Kebangsaan,  
Kementerian Dalam Negeri**

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA  
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY  
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008  
Cert. No.: KLR 6008765